

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DATO' HAJI MOHD FASIAH BIN HAJI  
MOHD FAKEH [ SABAK BERNAM ]**

**SOALAN NO. 283**

**Dato' Haji Mohd Fasih bin Haji Mohd Fakeh [ Sabak Bernam ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan kedudukan atau ranking Universiti Awam negara di peringkat global khususnya universiti-universiti penyelidikan negara ini serta nyatakan langkah Kementerian bagi meningkatkan kedudukan Universiti Awam negara di peringkat global pada masa hadapan.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

*Ranking* atau penarafan Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) adalah penting tetapi ianya bukan menjadi matlamat utama Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Sebaliknya IPT perlu membuat perancangan dan memberi fokus kepada meningkatkan kualiti graduan, kualiti institusi dan kualiti keseluruhan sistem.

Laporan penarafan dan Kedudukan terkini Universiti Awam (UA) di dalam ranking antarabangsa adalah seperti berikut:

Universiti	QS World University Rankings		Times Higher Education World University Rankings	
	2018	2019	2018	2019
UM	114	87	351- 400	301 - 350
UKM	230	184	601 -800	601 -800
UPM	229	202	601 -800	801 - 1000
USM	264	207	601 -800	601 -800

Universiti	QS World University Rankings		Times Higher Education World University Rankings	
	2018	2019	2018	2019
UTM	253	228	601 -800	601 -800

Namun demikian, KPM terus berusaha untuk memperkukuhkan kedudukan UA di peringkat antarabangsa dengan memperbanyakkan program *partnership* dan kolaborasi bersama institusi terkemuka dunia melalui skim padanan geran penyelidikan. Antara kolaborasi tersebut adalah kerjasama dengan *Research Councils United Kingdom (RCUK)* sejak tahun 2016, *Japan Science and Technology Agency (JST)* sejak tahun 2015 dan *Japan International Cooperation Agency (JICA)* sejak tahun 2012. Selain itu, KPM juga dalam proses untuk bekerjasama dengan agensi penyelidikan antarabangsa yang berpotensi seperti *East Asia Europe, Department of Guangxi Zhuang Autonomous Region Republic of China* dan *E-Asia Joint Research Programme*.

Selain itu, KPM juga telah membangunkan sistem penarafan peringkat nasional untuk mengukur peningkatan kualiti IPT. Sistem penarafan yang dimaksudkan adalah *Malaysia Rating for University and College University Excellent (SETARA)*, *Malaysian Quality Evaluation System (MyQUEST)* dan *Malaysia Research Assessment (MyRA)*. Antara kriteria dalam penilaian penarafan ini adalah kualiti program yang ditawarkan, tadbir urus yang baik, sistem pengurusan berkualiti, pengurusan pelajar antarabangsa, kebajikan pelajar, kualiti dan kuantiti penyelidik serta penyelidikan, inovasi dan jaringan & jangkauan. Sistem penarafan ini memberikan daya saing di antara IPT tempatan untuk menjadi yang terbaik dan berkualiti.

KPM juga terus memperkasa usaha promosi bagi meningkatkan kemasukan pelajar antarabangsa ke Malaysia melalui promosi antarabangsa antara kerajaan (*G to G*), rundingan secara berterusan dengan pihak Kerajaan dan universiti di luar negara serta kerjasama antara KPM dengan kedutaan di negara lain bagi memudahkan urusan kemasukan pelajar antarabangsa.

Sekian, terima kasih.

RT37/281